

Rebakan baung ekor merah semakin membimbangkan

HM 9/9/2023 ms: 8

Jelebu: Kewujudan ikan 'asing' spesies baung ekor merah atau dikenali baung serigala di perairan negara ini semakin merebak ke beberapa negeri lain.

Jika sebelum ini ikan baung ekor merah dikesan muncul di sekitar sungai di Perak dan Selangor namun ikan gergasi itu mula dikesan di negeri lain.

Ikan berasal dari Sungai Mekong, Thailand dan Vietnam itu dianggap ancaman apabila lahap memakan pelbagai spesies ikan tempatan mengakibatkan faktor kepupusan.

Pengarah Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Glami Lemi Dr Siti Norita Mohamad berkata, pihaknya sangat menggalak-

kan orang ramai memancing ikan asing berkenaan disebabkan spesies itu gemar memakan ikan asli tempatan termasuk udang galah.

"Jabatan Perikanan dan IPP komited menghapuskan ikan baung merah ini melalui pelbagai program dianjurkan.

"Selain ikan baung ekor merah, ada pelbagai spesies ikan asing yang mengancam ekosistem sungai seperti ikan bandaraya dan *peacock bass* namun tumpuan utama ketika ini adalah menghapuskan ancaman baung ekor merah terlebih dahulu," katanya selepas

Majlis Peras-



DR Azhar diberi penerangan mengenai ikan diawet yang disampaikan Pegawai Penyelidik Kanan IPP Glami Lemi, Dr Haslawati Baharuddin (kanan) dan Dr Siti Norita (kiri).

mian Hari Terbuka IPP Glami Lemi di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Kanan IPP Dr Azhar

Hamzah dan Timbalan Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Doreen Wee Siew Leen.

Sementara itu Doreen

Wee berkata Jabatan Perikanan terus melipat ganda usaha menghapuskan ikan baung merah menerusi program membabit-

kan penyertaan orang ramai.

Katanya ikan berkenaan boleh ditangkap dengan cara memancing, tajur selain menjaring.

"Baru-baru ini, kami mengadakan program memburu ikan baung merah di Sungai Triang, Jelebu dan mengadakan program sama pada masa akan datang.

"Walaupun cuma dua ikan ditangkap, kami percaya ikan berkenaan semakin membiak berikutan sungai di daerah ini bersambung dari sungai negeri Pahang. Ikan baung ditangkap itu didapati sudah ada telur," katanya.

Ikan baung ekor merah mempunyai kadar tumbesaran cepat serta lasak dan dikategorikan ikan jenis pemangsa.

Baung ekor merah berasal dari Sungai Mekong, Thailand dan Vietnam